

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN MENTERI NO. 2**

**DARIPADA : DATUK IDRIS BIN AHMAD [BAGAN SERAI]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Datuk Idris bin Ahmad [Bagan Serai]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah akta sedia ada yang mampu dikuatkuasakan kepada negara jiran akibat tindakan mereka yang memberi kesan negatif kepada rakyat Malaysia dalam isu jerebu yang diakibatkan oleh pembakaran terbuka di bahagian Sumatera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, tiada akta khusus yang boleh dikuatkuasakan kepada syarikat atau negara yang menjadi punca jerebu merentas sempadan di Malaysia. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] bertujuan mencegah, menghentikan dan mengawal pencemaran alam sekitar yang dikuatkuasakan di dalam negara sahaja.
2. Berkenaan isu jerebu merentas sempadan yang dikaitkan dengan pembakaran terbuka di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia, buat masa ini, Kerajaan mengambil pendekatan secara diplomasi dan berpandangan bahawa rundingan adalah jalan yang lebih baik untuk menangani isu ini. Pencemaran jerebu merentas sempadan tidak dapat diselesaikan hanya dengan penggubalan undang-undang semata-mata.
3. Penguatkuasaan akta seumpama ini memerlukan bukti jelas bahawa jerebu merentas sempadan yang berlaku adalah berpunca dari negara jiran dan perlu disokong oleh data-data seperti peta lokasi, koordinat, maklumat pemilik tanah dan syarikat yang beroperasi di lokasi kebakaran. Selain itu, maklumat syarikat berkaitan Malaysia yang beroperasi di luar negara juga sukar diperoleh memandangkan majoriti ekuiti dipegang oleh rakyat tempatan di negara syarikat beroperasi. Mengambil kira perkara ini, Kementerian masih meneliti kebolehlaksanaan akta dan kejayaan pelaksanaan akta seumpamanya oleh negara-negara lain bagi memastikan tiada pembaziran sumber untuk menggubal akta ini.

## **NO. SOALAN: MQT - 2**

4. Dalam hal ini, Kerajaan akan melaksanakan pendekatan melalui hubungan diplomatik yang erat dan kerjasama teknikal bagi memantapkan lagi keupayaan antara negara khususnya dalam bidang kajian saintifik serta penggunaan teknologi terkini berkaitan pengurusan tanah gambut serta operasi pemadaman kebakaran. Perkara ini juga adalah selaras dengan Artikel 16 (Kerjasama Teknikal) dan Artikel 17 (Kajian Saintifik) di bawah *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* (AATHP) yang menekankan perkongsian kepakaran teknologi, teknik dan pengetahuan serta menyokong pelaksanaan kajian saintifik dan teknikal berhubung pengurusan kebakaran tanah gambut dan hutan serta kaedah pemadaman kebakaran yang berkesan.
5. Selain itu, Kerajaan juga akan meneliti dan menambah baik pelan komunikasi insiden jerebu merentas sempadan bagi memastikan penyampaian maklumat yang tepat, berkesan serta mengelakkan pertikaian yang mengeruhkan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara jiran.
6. Bagi memastikan keadaan jerebu tidak berpanjangan, NRECC dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri pada 6 Oktober 2023 telah mengemukakan Nota Diplomatik kepada Kerajaan Indonesia bagi memaklumkan situasi jerebu di Malaysia dan kesediaan negara untuk bekerjasama dalam operasi pemadaman segera di kawasan terjejas.
7. Ruang baiki AATHP - Canada US Air Quality Agreement 1991. Di bawah Perjanjian ASEAN mengenai Jerebu Merentas Sempadan, tiada tindakan punitif boleh diambil ke atas syarikat atau negara yang menyebabkan jerebu merentas sempadan di negara-negara ASEAN yang

terjejas. Semua isu dan pertikaian perlu diselesaikan secara rundingan dan kesepakatan (*amicable*) selaras dengan perjanjian ini.

8. Kerajaan tidak akan pertahan mana-mana Syarikat Malaysia yg didapati bersalah.

9. Keadaan jerebu yang dihadapi oleh negara adalah semakin baik. Berdasarkan laporan hari ini, 12 Oktober 2023 jam 9.00 pagi, daripada 68 stesen pengawasan kualiti udara, 17 stesen mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap 'baik', 49 stesen mencatatkan bacaan IPU yang 'sederhana' dan 2 stesen yang mencatatkan bacaan IPU yang 'tidak sihat' iaitu Batu Pahat (IPU 155) dan Larkin (IPU 122) di Johor. Tiada kejadian kebakaran besar yang dilaporkan berlaku di dalam negara.

10. Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASEAN *Specialised Meteorological Centre* (ASMC) pada 11 Oktober 2023 mendapati pergerakan angin pada masa kini di Selatan rantau ASEAN dari tenggara ke barat daya. Selatan rantau ASEAN secara amnya mengalami keadaan kering kecuali di Utara Sumatera, Borneo, Singapura dan sebahagian Sumatera sedang mengalami keadaan hujan. 66 titik panas dikesan di Sumatera dan 8 titik panas dikesan di Kalimantan. Tiada titik panas dikesan di dalam negara.

Sekian, terima kasih.